

RAM sahkan penarafan Cagamas

KUALA LUMPUR: RAM Ratings mengesahkan penarafan A2/Stabil/P1, AAA/Stabil/P1 dan AAA/Stabil/P1 bagi penarafan kredit korporat skala global, ASEAN dan nasional Cagamas Bhd.

Dalam satu kenyataan hari ini, RAM berkata penarafan berkenaan mencerminkan metrik kredit Cagamas yang kukuh, yang dijangka kekal teguh meskipun rancangan jangka panjangnya untuk mempelbagaikan aktiviti ke bidang dan produk baharu.

Pada masa yang sama, RAM berkata, ia telah menarik balik penarafan P1 bagi program Kertas Komersial Islam (ICP) RM5 bilion syarikat itu berikutan kematan-

gannya pada 19 Ogos 2017. “Memandangkan kedudukan strategik syarikat dalam pasaran modal domestik sebagai penyedia kecairan kepada sistem kewangan dan juga sebagai antara pengeluar terbesar bon korporat dan sukuk, kami percaya sokongan kerajaan akan terus diperluaskan sekiranya ada kesulitan kewangan,” katanya. — Bernama